

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA :** **Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH :** **16.5.2016**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan dalam memastikan bilangan Warden Asrama memenuhi keperluan menguruskan asrama bagi melahirkan pelajar asrama yang cemerlang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui pihak sekolah sentiasa memastikan keselamatan murid-murid di asrama sekolah. Warden Asrama dengan dibantu oleh Pembantu Pengurusan Murid (PPM) akan memastikan kebajikan dan keselamatan murid yang tinggal di asrama dijaga dan dipantau rapi. KPM juga sentiasa mengingatkan sekolah supaya memastikan bilangan warden asrama adalah mencukupi. Nisbah Warden Asrama kepada pelajar iaitu 1:50 bagi murid normal, manakala 1:20 bagi murid kurang upaya. Nisbah tersebut adalah wajar berdasarkan skop tugas dan tanggungjawab Warden Asrama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Warden Asrama merupakan senarai tugas dan bukan satu lantikan perjawatan. Warden Asrama dilantik oleh pihak sekolah dalam kalangan guru mata pelajaran yang mengajar dengan jumlah waktu mengajar sama seperti guru lain. Tugas dan tanggungjawab Warden Asrama di sekolah meliputi pengajaran dan pembelajaran, pengurusan dan pentadbiran asrama, disiplin dan kebajikan pelajar serta kokurikulum. Dalam hal ehwal pentadbiran asrama, Warden Asrama turut dibantu oleh Penyelia Asrama Gred N17 dalam melaksanakan tugas harian.

KPM telah menyediakan buku **Transformasi Asrama Harian (TAH)** yang merupakan penambahbaikan dalam pengurusan dan pembangunan asrama dan murid asrama dengan memastikan penglibatan semua warga sekolah (Guru dan Pentadbir) serta pihak luar (Ibu bapa dan Komuniti). Terdapat empat (4) fokus utama dalam TAH:

- a) Pemantapan Pengurusan dan Pentadbiran Asrama
- b) Penjanaan Kejayaan Akademik
- c) Penjanaan Sahsiah dan Disiplin Murid
- d) Penjanaan Kokurikulum

RJM04